

21 SEP 2001

Sukan-Menembak (Raifel)

ENAM PENEMBAK SERTAI KEJOHANAN TERBUKA AUSTRALIA

LANGKAWI, 21 Sept (Bernama) -- Malaysia memilih enam penembak untuk menyertai Kejohanan Menembak Full Bore Australia Terbuka di Perth dari 24 Sept hingga 3 Okt ini.

Setiausaha Persatuan Raifel Kebangsaan Malaysia, Ismail Zainuddin hari ini berkata, Zainal Abidin Md Isa, Zulkeflee Hamsen, Rajeli Asri, Husin Md. Jais, Abdul Halim Jaafar dan Hashim Mohamad adalah antara lapan penembak Malaysia yang sedang menyiapkan diri menghadapi Sukan Komanwel 2002 di England.

"Kita akan berusaha mencatat keputusan terbaik pada kejohanan yang pertama kali disertai sebagai perangsang kepada persiapan menghadapi Sukan Komanwel tahun depan", katanya.

Penembak Malaysia turut menunjukkan prestasi baik pada Langkawi Full Bore Challenge 2001 di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (Lisram) di sini yang berakhir semalam.

David Calvert dari England muncul juara keseluruhan individu manakala England muncul juara berpasukan.

Pelatih ke Sukan Komanwel seperti Zulkeflee, Abdul Halim dan Rajeli antara yang menunjukkan pencapaian membanggakan pada kejohanan itu.

Abdul Halim memenangi acara Master 900 dan 1,000 ela dengan memungut pingat emas untuk menggondol piala Malaysia.

Mengenai kejohanan itu, Ismail berkata Malaysia yang menjadi penganjur pertama kejohanan itu di rantau ini mendapat pujian dari pasukan England yang menyertainya.

Katanya Great Britain Rifle Team yang menyertai kejohanan itu mengirim surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengucapkan tahniah atas kejayaan Malaysia menganjurkan kejohanan tiga hari itu.

Beliau berkata, surat penghargaan itu diserahkan menerusi Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman yang juga Presiden Persatuan Raifel Kebangsaan Malaysia selepas majlis penutupan kejohanan itu semalam untuk disampaikan kepada Dr Mahathir.

Ismail berkata, mereka memuji langkah Malaysia menganjurkan kejohanan itu walaupun pertama kali diadakan di rantau ini.

-- BERNAMA

ZI NH NMO